

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)34

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

34. Adakah Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian impak terhadap kenaikan caj perkhidmatan hospital swasta di Pulau Pinang?
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan ia tidak membebankan rakyat, khususnya golongan yang kurang mampu?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

34. Tiada kajian khusus yang dijalankan di peringkat negeri buat masa sekarang bagi mengkaji impak terhadap kenaikan caj perkhidmatan hospital swasta di Pulau Pinang.
- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM) tidak mengawal selia caj fasiliti yang dikenakan di kemudahan penjagaan kesihatan swasta. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturannya hanya mengawal selia fi profesional yang dikenakan di hospital swasta.

Bagi golongan yang kurang mampu, caj bayaran di hospital-hospital kerajaan masih sama dan belum dikenakan kenaikan. Selain itu, terdapat Jabatan Kerja Sosial di setiap hospital yang akan turut membantu dalam mendapatkan bantuan bagi golongan yang kurang mampu.